

Headline	24 murid SK Senibong berbuka di hotel		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	30 Jul 2012	Color	Black/white
Section	News	Circulation	231,163
Page No	n7	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	130 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,315
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,945



## 24 murid SK Senibong berbuka di hotel

**Plentong:** Seramai 24 murid kurang bernasib baik dari Sekolah Kebangsaan (SK) Senibong bersama keluarga masing-masing diraikan dengan majlis berbuka puasa oleh pengurusan Hotel Silka, di sini.

Pengurus Besar Hotel Silka Johor Bahru, Ramanesh Keith Nair, berkata majlis itu menjadi tradisi rangkaian hotel berkenaan yang komited melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat bersama rakan penaja meraikan keluarga miskin sekitar bandar raya ini.

“Program ini dimulakan beberapa tahun lalu dan kebiasaannya senarai jemputan diperoleh daripada pengurusan rumah kebajikan, sekolah dan maklumat daripada pemimpin setempat supaya kita boleh menganjurkan aktiviti bercorak kemasyarakatan.

“Selain meraikan mereka dengan pelbagai menu Melayu dan Barat, kakitangan hotel menyalurkan sumbangan peribadi mereka sebelum diagihkan sebagai duit raya.

“Malah, pengunjung hotel juga boleh menyerahkan apa saja bentuk sumbangan menerusi kotak khas yang diletak di Chec-

kers Cafe sehingga 15 Ogos depan,” katanya.

Beliau berucap pada Majlis Berbuka Puasa di Checkers Cafe yang turut dihadiri Guru SK Senibong, Haslinda Kesting, yang bertanggungjawab menguruskan pengangkutan murid terbabit bersama ibu bapa masing-masing.

Ramanesh berkata, kakitangan hotel turut mengendalikan jualan garaj bagi mengumpul dana sebelum membeli kelengkapan sekolah, barangan runcit, biskut dan alat tulis sebagai cenderahati kepada 24 pengunjung yang hadir selain mereka turut menerima duit raya.

“Sepanjang Ramadan, kami bekerjasama dengan Yayasan AIDS Malaysia bagi mengumpul dana kepada yayasan berkenaan membiayai kos perubatan, penjagaan dan sokongan khususnya kepada wanita dan kanak-kanak yang menderita virus terbabit.

“Justeru, kita mempelawa orang ramai berbuka puasa di sini sambil menghulur sebarang bentuk bantuan selain menikmati pelbagai makanan yang dihidangkan secara bufet dengan harga berpatutan,” katanya.